

Termasuk milik
anak isteri

Menteri mula umum harta

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri-menteri dan timbalan menteri mula mengisytiharkan harta masing-masing termasuk jumlah rumah, syarikat, kereta, wang simpanan di bank dan lain-lain harta di bawah nama isteri dan anak mereka.

Mereka dikehendaki mengisi borang lapan muka yang diterima Rabu lalu. Bersama borang itu disertakan surat arahan dua muka yang ditandatangani sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Selain menteri dan timbalan menteri, mereka yang terlibat dengan pengisytiharan harta itu ialah setiausaha parlimen, setiausaha politik dan pegawai-pegawai kanan kerajaan dari tingkatan D ke atas.

Arahan Perdana Menteri itu untuk menjauhkan keraguan orang ramai terhadap pemilik harta pemimpin-pemimpin negara.

Sumber-sumber yang boleh dipercayai memberitahu, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menyatakan tarikh akhir memulangkan semula borang itu.

Bagaimanapun, menteri, timbalan menteri dan lain-lain yang terlibat yang difahamkan dikehendaki menyerahkannya secepat mungkin.

Saham

Menurut sumber-sumber itu lagi, mereka dikehendaki mencatatkan nama, nama isteri dan anak-anak di muka pertama.

Di muka dua dan seterusnya, mereka dikehendaki mencatatkan jumlah harta seperti rumah, bilangan syarikat diduduki sebagai pengarah dan elaun yang diterima.

Saham-saham yang dipegang termasuk di bawah nama isteri dan anak-anak juga diarah

● Muka 16 ruang 8

5 September, 1981

Simpanan, saham perlu diisytihar

● Dari muka 1

ditulis dalam borang putih itu.

Mereka juga dikehendaki mengisytiharkan simpanan wang masing-masing di bank-bank dalam dan luar negeri dan barang-barang kemas \$5,000 ke atas.

Bagi yang mempunyai syarikat sendiri, mereka diarah menyatakan jumlah harta kepunyaan syarikat dan nama pemegang saham.

Menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik dikehendaki memulangkan borang itu kepada Perdana Menteri.

Manakala kakitangan kerajaan pula dikehendaki memulangkan borang masing-masing kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam.

No. Siri 12.423 /
No. Penerbitan 4236 / 87